

atas undang-undang itu, sepanjang yang kita ketahui, adalah dibuat oleh N.A Malal dan beberapa orang Islam lagi lalu disokong oleh orang-orang yang bukan Islam.

Kita berpendapat bahawa undang-undang wasiat itu mustahak adanya kerana menurut segi keislaman seseorang yang mati tidak berhak atas hartanya hanya satu pertiga, sedang dua pertiga yang lainnya ditentukan oleh Allah untuk waris-warisnya mengikut ketentuan-ketentuan yang nyata. Demikian juga kita mengetahui bahawa sepanjang-panjang masa yang lampau jika seseorang Islam mati tidak meninggalkan wasiat maka hartanya akan dibahagi mengikut pembahagian yang ditentukan oleh Islam (*syarak*).

Dengan tidak mengikut syarak, maka pembahagian harta seseorang Islam itu bukannya sahaja, mengikut pandangan kita, terhukum orang itu melanggar hukum syarak, tetapi juga ia telah merampas hak-hak orang yang ditentukan oleh Tuhan untuk mendapatnya. Dengan asas pendapat ini kita berasa hairan bagaimana seseorang peguam yang disebut peguam Islam dan orang-orang Islam tidak reda kepada hukum-hukum Tuhan dan menyokong kepada bantahan supaya hukum ketentuan Tuhan itu tidak digunakan di antara orang-orang Islam?

Kita suka memperingatkan kerajaan bahawa kita umat Islam mau hukum Islam berjalan di sekitar umat Islam. Kerajaan mesti ingat bahawa hukum itu diliputi dan diredai oleh umum Islam, dikecualikan seorang berdua, nampaknya sebagai peguam itu yang tidak gemar hukum-hukum Islam berjalan atau dijalankan. Kita mengharap sekiranya kerajaan tidak meluluskan atau menarik undang-undang itu maka Majlis Islam Penasihat Kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan Islam mengadakan bantahan hebat kepada percubaan yang menghalang kepada kehendak supaya orang-orang Islam dihukumkan menurut Islam di dalam warisannya. Majlis Islam Penasihat Kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan Islam

wajib mencabar kerajaan dalam perkara ini.

\* \* \*

## Masalah Jus Soli

Masalah meletakkan seseorang yang diberanakkan menjadi rakyat Persekutuan yang berjalan dari satu ke satu masa di Persekutuan Tanah Melayu ini telah timbul lagi.

Kepada orang Melayu yang mengikut jejak politik telah melihat bahawa berbagai langkah dan cara mereka telah lakukan untuk mencuba supaya maksud mereka tercapai bagi mendapat hak-hak yang sama dengan penduduk-penduduk negeri ini. Sebelum hidup Perikatan di antara UMNO, M.C.A. M.I.C., apabila perkara jus soli berbangkit, kalau kita tidak khilaf, Sir Cheng Lock Tan telah pun mengesyorkan supaya diadakan suruhanjaya untuk menentukan kedudukan mereka di negeri ini. Orang-orang Melayu membantah tetapi setelah Perikatan hidup dan langkah-langkah menguasai politik yang dimenangi mereka bersama, dengan disedari atau tidak, M.C.A. telah berjaya di dalam siasahnya kerana suruhanjaya yang dihajut mereka telah disetujui dan akan sampai disini pada bulan Mei hadapan.

Apabila orang-orang suruhanjaya itu tiba atau dijelaskan maka orang-orang Cina yang dahulu daripada M.C.A. telah membesar-besarkan perkara ini dan meributkannya kemudian lalu M.C.A. cuba menyalurkan segala fikiran itu menerusi M.C.A. mengisytiharkan bahawa M.C.A. akan mengadakan memorandum tersendiri yang mereka tidak lagi terikat di dalam memorandum bersama dengan Perikatan. Di sebalik itu, rancangan-rancangan perjumpaan besar menuntut supaya kerakyatan itu diiktiraf diadakan.

Di sebalik itu, Sultan-Sultan, Parti Negara dan juga cawangan-cawangan UMNO telah menyatakan bahawa mereka akan membantah

dengan keras kerakyatan jus soli kerana mengawal muslihat-muslihat orang Melayu yang telah memberi banyak, beralah banyak kepada tuntutan-tuntutan anak-anak dagang.

Ibu pejabat UMNO melihat kepada *reaction-reaction* yang timbul daripada cawangan-cawangannya lalu mengeluarkan satu amana supaya jangan mengeluarkan fikiran-fikiran bersendiri kerana ditakuti olehnya akan memecahkan ikatan mereka dengan M.C.A. Ringkasnya ibu pejabat UMNO berkehendak supaya fikiran-fikiran cawangan-cawangan itu hendaklah disalurkan kepada ibu pejabat. Ibu pejabat nampaknya kluatir kepada perkara itu semakin hangat sebab itulah ia menghendaki supaya tertutup suara bahagian-bahagian dalam perkara ini.

Sebaliknya, sebagaimana kita sebutkan tadi, pihak orang Cina telah mengadakan langkah-langkah yang besar menghadapi perkara ini dan menyatakan bahawa mereka itu akan bersendiri dalam perkara ini. mereka telah tuduh menuduh tentang mengapa perkara jus soli tidak dimasukkan dalam manifesto pilihanraya di Persekutuan tempoh hari. Adakah orang-orang atau cawangan-cawangan UMNO akan dapat menahan diri daripada bersuara apabila orang Cina bersuara menepuk dada dalam perkara ini. Apakah ibu pejabat UMNO akan berpendapat bahawa untuk ketenangan umat perkara ini mesti disambut dengan diam dan tenang sahaja.

Perkara jus soli telah dituntut oleh Sir Cheng Lock Tan bukan sahaja pada hari ini tetapi dari masa sebelum perang dan di dalam masa perang. Kita berkali-kali telah memperingatkan apakah yang dihajati oleh Sir Cheng Lock Tan dengan langkah-langkahnya berikut itu? Sejarah yang telah lalu menunjukkan pada kita bagaimana langkah-langkahnya. Dalam masa di India telah mengeluarkan satu memorandum kepada baginda

King termasuk tuntutan-tuntutan hal yang seperti itu.

Kemudian di dalam Perikatannya dengan Malay Nasional Party melihat bantahan rakyat kuat pada masa itu, ia beralah lalu mengaku charter yang dikehendaki oleh PUTERA M.P.A.J.A. di antaranya kebangsaan bagi Malaya ialah bangsa Melayu. Sejarah pula menunjukkan akan ikhtiarnya untuk mendapat hak-haknya di dalam Nation Committee tetapi ini pun dapat ditolak oleh rakyat dan sekarang ia mendapat peluang yang besar membentangkan atas nama bangsanya, berasing daripada Perikatan, memorandum yang tujuannya menyampaikan cita-cita yang tersebut. Melihat kepada keadaan-keadaan ini kita yakin kecemburuan orang Melayu (UMNO) atas keikhlasan M.C.A. ialah di dalam Perikatan itu, sudah terang akan timbul semula dan kita berharap UMNO pimpinan-pimpinan UMNO, tidak melebihi atau tidak melebihi kesayangannya kepada Perikatan dan menahan perasaan Melayu daripada membangkang perkara ini dan di dalam hal yang serupa ini, sebelum lewat masanya kita berharap supaya UMNO menganjurkan satu perjumpaan pernan Nasional memikirkan masalah jus soli dengan menjemput Parti Negara, Parti Rakyat dan umum umat Melayu kerana zahir bahawa di dalam lingkungan kita umat Melayu sama perasaan dan sama pendirian mereka tentang itu. Kita berharap yang demikian ini dibuat sebagai satu serang balas kepada langkah-langkah yang dinyatakan oleh orang-orang Cina yang dialirkan oleh M.C.A. Sekarang mudah-mudahan yang demikian ini mendapat perhatian dan pertimbangan bersama pimpinan-pimpinan Melayu. Jauhkan pengertian bersalahan faham dalam menghadapi ancaman dari luar yang bakal meruntuhkan muslihat umumnya bangsa Melayu adanya.